

22 OCT 1999

Perlis-Defisit

PERLIS DIJANGKA ALAMI DEFISIT SEBANYAK RM30 JUTA TAHUN DEPAN

KANGAR, 22 Okt (Bernama) -- Perlis dijangka mengalami defisit sebanyak RM30 juta dalam belanjawan negeri tahun depan berikutan peningkatan program pembangunan dan keilmuan di negeri ini.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata sumber ekonomi Perlis begitu terbatas dengan pendapatan tahunan sekitar RM60 juta tetapi ia bukan penghalang untuk kerajaan negeri berbelanja besar demi kepentingan rakyat.

"Pembangunan negeri dan insaniah tidak akan berkembang jika perbelanjaan dihadkan," katanya pada program wawancara dengan Radio Malaysia Perlis (RMPs) dan Kelab Akhbar Perlis (KAPs) hari ini.

Shahidan berkata kerajaan negeri tidak akan mengekalkan kadar defisit sekitar RM10 juta setahun kerana ia melambatkan proses memajukan negeri ini.

"Perlis bersyukur kerana kerajaan pusat sentiasa peka dengan masalah defisit di negeri ini," katanya.

Menurutnya bagi meningkatkan pendapatan negeri dan rakyat, kerajaan negeri sentiasa merangka program pembangunan ekonomi termasuk kegiatan menarik pelabur ke Perlis.

Antara pendapatan utama kerajaan negeri setakat ini ialah cukai tanah iaitu sekitar RM9 juta setahun, katanya.

Mengenai pilihan raya umum, Shahidan yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, berkata beliau yakin rakyat akan terus memberikan sokongan kepada BN berdasarkan rekod kecemerlangan kerajaan memerintah negeri ini.

Beliau juga menjemput semua rakyat Perlis untuk menghadiri majlis kesyukuran dan perhimpunan meraikan kecemerlangan suku abad BN peringkat negeri di Stadium Utama pada 24 Ogos ini.

Majlis itu, yang bermula pukul 5 petang dan berakhir tengah malam, akan diserikan dengan pelbagai acara termasuk persembahan kesenian, pertunjukan bunga api dan cabutan bertuah.

Selain itu, mereka juga akan mendengar ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena sambutan 25 tahun BN dari Stadium Bukit Jalil yang akan disiarkan secara langsung melalui layar raksasa di stadium itu.

-- BERNAMA

AD NAK